

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan kejatuhan nilai ringgit kepada projek MRT Sungai Buloh-Kajang dan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya dan status kemajuan kedua-dua projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kejatuhan nilai ringgit tidak memberi kesan kenaikan kos kepada pelaksanaan Projek MRT Laluan Satu yang menghubungkan Sg. Buloh-Kajang dan Projek MRT Laluan Dua yang menghubungkan Sg. Buloh-Serdang-Putrajaya. Ini adalah kerana kesemua kontrak pembinaan ditetapkan sebelum nilai ringgit mengalami kemerosotan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga April 2016, status kemajuan Projek MRT Laluan Satu masih mengikut jadual yang ditetapkan dan telah mencapai tahap 83.2% kemajuan. Fasa Satu projek iaitu dari Sg. Buloh ke Semantan dijangka siap dan mula beroperasi pada 31 Disember 2016 manakala Fasa Dua pula iaitu dari Semantan ke Kajang dijadual akan siap dan beroperasi pada 31 Julai 2017. Manakala bagi Projek MRT Laluan Dua, kerja pembinaan untuk laluan ini dijangka akan bermula dalam bulan Jun 2016.

SOALAN (237)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan status pewartaan kawasan Bukit Kiara di Taman Tun Dr. Ismail sebagai Taman Persekutuan dan keluasannya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pewartaan kawasan seluas 380 ekar di Bukit Kiara sebagai Taman Persekutuan sedang diuruskan oleh Pihak Berkusa Tanah berkaitan iaitu Jabatan Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (JKPTG) dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Proses Pewataan ini dijangka selesai pada tahun 2017.